**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA ISO (JKISO) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
**KALI KE-19**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 04 September 2014 |
| Masa | : | 8.30 pagi |
| Tempat | : | Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran Universiti Putra Malaysia |
| Kehadiran | : | Lampiran A |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Pendahuluan** | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi :<br><br>(a) memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih atas kehadiran ahli Jawatankuasa Jaminan ISO (JK ISO) Universiti Putra Malaysia ke Mesyuarat Kali ke-19;<br><br>(b) merakam penghargaan kepada semua yang terlibat di atas komitmen menjayakan Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001: 2008) oleh SIRIM yang telah dijalankan pada 18-29 Ogos 2014. | **Makluman**<br><br>**Makluman** |
| **Minit 19.1** | **Mengesahkan Minit Mesyuarat Yang Lepas**<br><br>Minit Mesyuarat kali ke-18 yang telah diadakan pada 21 Julai 2014 disahkan tanpa sebarang pindaan. | **Makluman** |
| **Minit 19.2** | **Perkara Berbangkit**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum akan Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKISO kali ke-18 seperti mana kertas yang diedarkan, dan mesyuarat :<br><br>(a) <u>Minit 18.2(c)</u><br><br>mengambil maklum Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) telah mengenal pasti sebanyak 332 unit serobong/cerobong di 15 buah Pusat Tanggungjawab (PTJ). Sehubungan itu, | **Pengarah PPKKP** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | tindakan sedang diambil oleh PPKKP bagi mendapatkan bukti bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar berkaitan pelepasan udara dari kebuk wasap di semua makmal pengajaran yang telah dikenalpasti.<br><br>(b) <u>Minit 18.3.1(b)</u><br><br>mengambil perhatian mengenai petunjuk prestasi peratusan staf yang menghadiri latihan 7 hari dalam setahun masih rendah terutama kumpulan Pegawai Akademik. Punca masalah yang telah dikenal pasti adalah pegawai akademik tidak melaporkan latihan yang mereka hadiri kepada urusetia di PTJ. Sehubungan itu, Penyelaras Latihan Staf UPM akan membuat pemantauan secara berterusan bersama pelaksana latihan serta Timbalan Penyelaras Latihan Staf di PTJ.<br><br>(c) <u>Minit 18.5</u><br><br>mengambil maklum bahawa peneraju SPK sedang menambah baik proses dan prosedur selaras dengan pelaksanaan Pengurusan Kejat di UPM. Setakat ini, sebanyak 15 proses sedang ditambahbaik menggunakan pendekatan ini melibatkan beberapa PTJ iaitu Pejabat Pendaftar, Bahagian Akademik, Sekolah Pengajian Siswazah, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi, Taman Pertanian Universiti dan Bahagian Antarabangsa. | <br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br><br>**Makluman** |
| **Minit 19.3** | **Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008**<br><br>**Laporan Audit Pemantauan SIRIM**<br><br>Mesyuarat :<br><br>(a) mengambil maklum bahawa Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2008 oleh SIRIM yang diketuai oleh Encik Mohamad Rafidi bin Mat Dahan telah diadakan pada 21 Ogos dan 25 hingga 29 Ogos 2014. | <br><br><br><br><br><br>**Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil maklum mengenai penemuan Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2008. Hasil penemuan audit, terdapat empat (4) ketakakuran dan 22 peluang penambahbaikan seperti mana kertas yang telah diedarkan. | **Makluman** |
| | (c) bersetuju supaya PTJ yang ditemui ketakakuran dan peluang penambahbaikan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya. Laporan tindakan perlu dihantar ke Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ) sebelum 5 September 2014. Bagi PTJ yang tidak menerima ketakakuran, tindakan pencegahan hendaklah dilaksanakan supaya ketakakuran berkenaan tidak berlaku. | **TWP Peneraju/ TWP PTJ** |
| | (d) dimaklumkan bahawa Bengkel Tindakan Pembetulan bagi mengenal pasti punca masalah dan cadangan tindakan pembetulan akan diadakan pada 11 September 2014. | **Makluman** |
| | (e) mengambil ingatan tentang dua (2) ketakakuran yang berulang iaitu dalam aspek dokumentasi dan kalibrasi. Sehubungan itu, TWP Peneraju dan TWP PTJ hendaklah melaksanakan pemantauan secara berkesan supaya ketakakuran yang sama tidak berulang pada masa akan datang. | **TWP Peneraju/ TWP PTJ** |
| **Minit 19.4** | **Hal-Hal Lain**<br><br>**1. Laporan Persediaan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM (HKIP)**<br><br>Mesyuarat :<br><br>(a) mengambil maklum bahawa UPM akan mengadakan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2014 pada 6 November 2014 (Khamis) jam 8.30 pagi, bertempat di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM. Pelaksanaan HKIP ini merupakan sebahagian daripada aktiviti peningkatan inovasi yang menyumbang kepada pencapaian Matlamat ke-5 dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020 iaitu Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus. | <br><br><br><br><br><br>**Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil maklum bahawa Objektif Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2014 adalah:<br><br>i. Meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;<br><br>ii. Memupuk dan memperkukuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM;<br><br>iii. Merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan<br><br>iv. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. | **Makluman** |
| | (c) dimaklumkan bahawa terdapat Lima (5) anugerah yang akan dipertandingkan sempena Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM 2014 adalah seperti berikut:<br><br>i. Anugerah Amalan 5S – (Peneraju : Pejabat Pendaftar);<br><br>ii. Anugerah Inovasi Perkhidmatan – (Peneraju : Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);<br><br>iii. Anugerah Pengurusan Aset – (Peneraju : Bahagian Audit Dalam, Pejabat Naib Canselor);<br><br>iv. Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran (Peneraju : Pejabat Pendaftar); dan<br><br>v. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Peneraju : Pejabat Pendaftar). | **Makluman** |
| | (d) bersetuju supaya tarikh tutup pertandingan Anugerah Inovasi Perkhidmatan dilanjutkan kepada 12 September 2014 bagi memberi peluang lebih | **Ketua Pentadbiran (TNC P&I)** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | banyak penyertaan daripada staf. Walau bagaimanapun, peserta perlu menghantar borang penyertaan bersama dokumen lengkap kepada urus setia sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan.<br><br>**2. Annex Sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2008**<br><br>Mesyuarat bersetuju supaya TWP Peneraju/TWP PTJ meneliti semula Annex Sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2008 berdasarkan skop di PTJ. Jika ada sebarang perubahan, TWP Peneraju/TWP PTJ diminta memberi maklum balas kepada BPQ dalam tempoh tujuh (7) bekerja untuk tindakan selanjutnya. | **TWP Peneraju/ TWP PTJ** |
| **Penutup** | **Penangguhan Mesyuarat**<br><br>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir serta mengucapkan selamat menyambut hari raya yang akan menjelang.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.30 pagi. | **Makluman** |

**LAMPIRAN A**

**SENARAI KEHADIRAN**

Tarikh : 04 September 2014
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran
Universiti Putra Malaysia

**Kehadiran**

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Dato' Wan Azman bin Wan Omar – Pengerusi | Pendaftar/Pengerusi Mesyuarat |
| 2. | Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh | TWP EMS |
| 3. | Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin | TWP (PP) Pejabat Naib Canselor |
| 4. | Encik Anuar Shah bin Bali Mohamed | TWP(PP) Sekolah Pengajian Siswazah |
| 5. | Puan Chek Zan binti Kasah | TWP (PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 6. | Tuan Haji Hashim bin Md. Shari | TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 7. | Puan Nor Adida binti Ab Khalid | TWP (PP) Pej. TNC(Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 8. | Puan Siti Rozana binti Supian | TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 9. | Encik Rosmi bin Othman | TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 10. | Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 11. | Puan Hasliza binti Zakaria | TWP (PTJ) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 12. | Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail | TWP (PP)Pusat Islam |
| 13. | Dr. Haji Latif bin Anwar | TWP (PP) Bahagian Keselamatan |
| 14. | Encik Julbakar bin Tajudin | TWP (PTJ) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 15. | Tuan Haji Abdul Ghani bin Hashim | TWP (PP) Taman Pertanian Universiti |
| 16. | Encik Abd. Razak bin Ahmad | TWP (PP) Penerbit |
| 17. | Encik Mohd. Nazri bin Noh | TWP (PTJ) Fakulti Pertanian |
| 18. | Encik Mustaffa bin Hj. Dollah | TWP(PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan |
| 19. | Encik Shahriman bin Hashim | TWP(PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 20. | Encik Shari Shawarudin bin Pandak Osman | TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| 21. | Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah | TWP (PTJ)Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 22. | Encik Ab. Malek bin Simon | TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 23. | Encik Mohammad Azlan bin Ali Basah | TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |
| 24. | Encik Amiruddin bin Abdul Aziz | TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 25. | Encik Mhd. Hussin bin Abdul Rahim | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar |
| 26. | Encik Nalong Anak Buda (secara v.c.) | TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB |
| 27. | Puan Salmee Suhana binti Hashim | TWP (PTJ)Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 28. | Tuan Haji Jamsari bin Tamsir | TWP (PTJ) Institut Biosains |
| 29. | Encik Din bin Ayub | TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju |
| 30. | Puan Wan Rohani binti Wan Mohamed | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik |
| 31. | Puan Nor Baizura binti Zamri | TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan |
| 32. | Cik Aidawati binti Ramali | TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 33. | Encik Jamalludin bin Mohd Yatim | TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial |
| 34. | Puan Sarah Salwah binti Adnan | TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika |
| 35. | Puan Noorizai binti Mohamad Noor | Pejabat Pendaftar/Setiausaha |

**Turut Hadir**

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Dr. Mohd. Rafee bin Baharudin | Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan- Peneraju EMS |
| 2. | Puan Hjh. Rohana binti Atan | Pejabat Bursar – Peneraju EMS |
| 3. | Puan Shamilah binti Samian | Akademi Sukan |
| 4. | Encik Zamre bin Yaacob | Pusat Transformasi Komuniti Universiti |
| 5. | Tuan Haji Nasarudin bin Yahya | Pusat Pengimejan dan Diagnostik Nuklear |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 6. | Encik Mohd Naim bin Mohd Ishak | Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 7. | Encik Muhazam bin Mansor | Pejabat Pendaftar |
| 8. | Encik Mat Razi bin Abdullah | Pejabat Pendaftar |
| 9. | Puan Noraihan binti Noordin | Pejabat Pendaftar |
| 10. | Puan Nurzatul Hakimah binti Mahmud Mahayudin | Pejabat Pemasaran dan Komunikasi |
| 11. | Wan Azma binti Wan Mohd. Zin | Wakil TWP (PP) Bahagian Akademik |
| 12. | Puan Salmah binti Abdullah | Wakil TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 13. | Cik Siti Maryam binti Othman | Wakil TWP (PP) Pejabat Penasiaht Undang-Undang |
| 14. | Puan Roshaslina binti Mohd. Basir | Wakil TWP (PTJ) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 15. | Puan Shamiza binti Shari | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan |
| 16. | Encik Mohd. Syawal bin Sauti | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |

**Tidak hadir (Dengan Kenyataan)**

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | Tuan Haji Rosdi bin Wah | TWP (PP) Bahagian Akademik |
| 2. | Puan Rohani binti Abdul Latif | TWP (PP) Pejabat Bendahari |
| 3. | Puan Rosmala binti Abdul Rahim | TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 4. | Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir | TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik |
| 5. | Puan Hamidah binti Meseran | TWP (PTJ) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 6. | Tuan Haji Anuar bin Haji Ahmad | TWP (PTJ) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 7. | Encik Roslan bin Parjo | TWP(PTJ) Pusat Kesihatan Universiti |
| 8. | Puan Che Zailawati Abdul Ghani | Pusat Asasi Sains Pertanian |
| 9. | Puan Salmee Suhana binti Hashim | Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 10. | Encik Fauzi bin Che Yusuf | TWP (PP) Kolej Kediaman |

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 11. | Encik Muhammad Adil bin Ahmad | TWP(PP) Pej. Penasihat Undang-Undang |
| 12. | Encik Mustafa bin Che Ali | Fakulti Perhutanan |
| 13. | Tuan Hj. Amran bin Zakaria | TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan |
| 14. | Encik Asbullah bin Mohd. Yusuf | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 15. | Puan Fairuz binti Mukhtar | Fakulti Sains |
| 16. | Puan Zainaf binti Udin | TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 17. | Encik Saheh bin Said | TWP (PTJ) Institut Gerontologi |
| 18. | Encik Ahmad Nizam Abdullah | Institut Penyelidikan Produk Halal |